

20 JUN 2003

Umno-Usul (Ekonomi)

TUBUHKAN INSTITUSI KHAS TARIK PELABUR ISLAM BESAR-BESARAN

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Wakil Umno Kelantan Datuk Awang Adek Hussin hari ini mencadangkan supaya sebuah institusi khas ditubuhkan bagi menarik pelabur-pelabur Islam antarabangsa secara besar-besaran ke negara ini.

Beliau berkata langkah itu kena pada masanya memandangkan terdapat dana-dana antarabangsa Islam yang memerlukan pelaburan baru ekoran sentimen negatif Barat terhadap masyarakat Islam kebelakangan ini.

"Inilah masa yang sesuai untuk kita meningkatkan usaha menarik modal pelabur Islam ke Malaysia, selaras dengan matlamat negara menjadikan Malaysia pusat kewangan Islam yang terkemuka di dunia," katanya semasa menyokong usul ekonomi yang dibawa oleh wakil Pergerakan Wanita Umno Raja Ropiah Raja Abdullah, pada hari kedua Perhimpunan Agung parti yang ke-54 di sini.

Awang Adek berkata Malaysia sudah mempunyai prasarana yang mencukupi untuk tujuan itu seperti kaunter-kaunter saham Islam yang besar di Bursa Saham Kuala Lumpur dan peningkatan terbitan bon-bon Islam setiap tahun serta penempatan Lembaga Pengawalan Perkhidmatan Kewangan Antarabangsa di Kuala Lumpur.

Katanya kewujudan institusi berkenaan bukan sahaja akan dilihat oleh pelabur-pelabur Islam sebagai jaminan pelaburan dan sektor yang halal tetapi juga meyakinkan mereka akan keselamatan pelaburan mereka.

"Mereka juga mampu mendapat pulangan yang menarik melalui dividen dan bonus yang lumayan," katanya.

Awang Adek berkata penubuhan institusi itu juga akan membawa Malaysia selangkah lagi ke hadapan dalam sektor kewangan Islam.

Menurutnya Malaysia sudah menjadi model kepada negara-negara Islam yang lain dan seringkali dijemput untuk menceritakan kejayaan mewujud serta mentadbir sistem kewangan Islam di persidangan-persidangan peringkat antarabangsa.

Beliau berkata usul itu juga harus dilihat sebagai usaha untuk memantapkan lagi pencapaian ekonomi orang Melayu dan Bumiputera bagi memastikan mereka benar-benar dapat menikmati kejayaan negara.

Menyentuh perkara berkaitan, Awang Adek berkata demi menjaga kejayaan yang dicapai oleh Malaysia sekarang, kerajaan harus memastikan hanya pemimpin yang layak memimpin negara dengan sistem politik dan ekonomi yang menguntungkan rakyat.

"Perlu diingat Malaysia telah menjadi negara contoh kepada seluruh umat Islam di dunia ini, justeru ianya bukan saja menjadi hak milik dan kemegahan orang-orang Melayu semata-mata tetapi juga umat Islam di seluruh dunia kerana inilah satu-satunya negara yang berjaya dalam bidang ekonomi, sekaligus menegakkan syiar Islam dan mewujudkan suasana Islam yang progresif," katanya.

Semasa membahaskan usul itu, wakil Badan Pergerakan Pemuda Umno, Zambery Abdul Kader mencadangkan penubuhan sebuah Institut Pendidikan Ekonomi Alternatif bagi membantu meningkatkan ekonomi negara.

Katanya institut berkenaan boleh dikendalikan oleh sarjana-sarjana ekonomi dalam negara dan luar negara untuk merumus formula ekonomi yang terbaik bagi sesuatu keadaan pelaburan dunia serta negara.

"Institut ini bukan sahaja dapat membantu Malaysia tetapi juga membantu ekonomi negara-negara membangun dan negara Islam yang lain," katanya.

Zambery yang juga Ketua Pemuda Bahagian Lumut turut mencadangkan supaya

kerajaan memberi fokus khas kepada pendidikan dan peningkatan penyertaan orang Melayu di dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Beliau turut menghargai sumbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri apabila bertindak sebagai "Arkitek Negara" dalam pembangunan pelbagai sektor terutamanya ekonomi.

Katanya dalam tempoh lebih dua dekad pemerintahan Dr Mahathir, pelbagai kejayaan dinikmati oleh orang Melayu yang menyaksikan anak-anak Melayu daripada keluarga petani, nelayan dan peneroka membesar menjadi tenaga kerja profesional negara.

Beliau berkata dalam tempoh itu kadar kemiskinan rakyat menurun kepada lima peratus manakala pemegangan ekuiti oleh bumiputera meningkat kepada 23 peratus walaupun masih gagal mencapai kadar 30 peratus seperti yang ditetapkan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Katanya DEB juga perlu diteruskan sehingga "tidak ada lagi perbezaan kaum dalam ekonomi" manakala mentaliti subsidi mesti diubah.

Wakil Badan Perhubungan Umno Kedah Dr Ku Abdul Rahman Ku Ismail berkata satu strategi baru perlu dirangka bagi mewujudkan masyarakat Bumiputera yang mampu berdiri atas kaki sendiri.

Beliau juga berkata kerajaan perlu mengambil langkah-langkah lebih berkesan untuk memastikan anak Melayu tidak ketinggalan dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Sementara itu, wakil Badan Perhubungan Umno Perlis, Sabri Ahmad berkata usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat Melayu luar bandar di negara ini terbukti berhasil dan berkesan.

Beliau berkata kadar kemiskinan yang dicatatkan pada 1970 adalah 69 peratus dan mengikut laporan terkini, kadar itu berjaya diturunkan kepada 12 peratus.

Katanya semua itu dicapai hasil perjuangan Umno yang tidak pernah lupa membela nasib kaum Melayu.

Wakil Umno Pahang Datuk Mohd Sarit Yusoh berkata Perdana Menteri adalah seorang tokoh ekonomi negara yang telah memainkan peranan penting dalam memimpin dan meletakkan rakyat di negara ini hidup dalam kemakmuran.

"Semalam Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memohon maaf kepada kita, sepatutnya kita yang minta maaf kepada beliau, kerana dia suruh kita 'bangun', kita tak 'bangun-bangun', dia suruh kita pandai, kita tak pandai-pandai, dia suruh kita kuasai pelbagai bidang ekonomi, kita tak kuasai...", katanya.

Mohd Sarit yang juga ketua Umno bahagian Temerloh berkata pelbagai pembaharuan dalam bidang ekonomi negara seperti dasar penswastaan misalnya telah terbukti berjaya sekalipun diragui pelbagai pihak pada awal pelaksanaannya.

Katanya Dr Mahathir tidak perlu memohon maaf kepada rakyat Malaysia, sebaliknya rakyat Malaysia perlu berbanyak-banyak berterima kasih kepada beliau yang telah meletakkan negara ini sebagai sebuah negara yang aman dan makmur.

Sementara itu wakil Umno Selangor Datuk Mohd Satim Diman berkata kemampuan orang Melayu pada masa ini dalam bidang ekonomi bolehlah dibanggakan sekalipun orang Melayu perlu bekerja lebih kuat lagi untuk terus cemerlang.

Katanya, kerajaan pimpinan Umno telah melakukan pelbagai program, dasar, pakej ekonomi, dan sebagainya untuk menolong orang Melayu, tetapi apa yang penting orang Melayu itu sendiri perlu menolong diri sendiri untuk berjaya dengan mempunyai kekuatan diri dan keyakinan yang kuat.

Katanya, apa yang pasti kehidupan rakyat di negara ini bertambah baik, sehinggakan kehidupan di kampung dan bandar seolah-olah tiada bezanya daripada segi kemudahan asas dan infrastruktur.

Wakil Umno Perak, Datuk Husni Hanadzlah pula berkata bangsa Melayu

perlu lebih serius dalam sikap dan pemikiran mereka kerana kedua-dua faktor itu penting dalam membangunkan ekonomi bangsa.

Katanya, antara sebab bangsa Melayu gagal menguasai ekonomi di negara ini adalah kerana kelemahan sikap dan pemikiran mereka.

"Pemikiran dan sikap penting dalam membangunkan kapisiti bangsa. Orang Melayu mesti serius bahawa kita berdepan dengan suasana yang serius. Apa akan terjadi apabila globalisasi dilaksanakan pada 2012.

"Kita berdepan dengan bangsa lain yang jauh ke hadapan. Orang Melayu mesti serius kerana kita terpaksa bersaing dengan gergasi dunia," katanya.

Sementara itu, wakil Pergerakan Puteri Umno, Bibi Sharliza Mohd Khalid meminta pucuk pimpinan parti mengutamakan anggota dan penyokong Umno semasa mempertimbangkan sebarang peluang ekonomi.

Bagaimanapun katanya, parti haruslah mengamalkan meritokrasi semasa memilih mereka yang layak untuk mendapat peluang itu bagi memastikan ianya berjaya mencapai sasaran.

Beliau berkata hanya menerusi meritokrasi kegemilangan Umno dan maruah orang Melayu dapat dipulihkan.

"Umno tidak mahu melihat peluang-peluang ekonomi disia-siakan oleh ahli-ahli yang sebenarnya tidak layak menerima keutamaan seperti ini. Malulah parti jika kita memberikan peluang kepada mereka yang tidak berkebolehan," katanya

Selain itu Bibi Sharliza juga mengesyorkan supaya Malaysia berusaha menjadi peneraju dalam mempromosikan standard halal dalam industri pemakanan dunia.

Katanya Malaysia sebagai sebuah negara Islam, mempunyai kelebihan kerana telah mewujudkan dan mengamalkan piagam halal yang diterima oleh kebanyakan negara Islam.

"Standard halal ini haruslah juga digabungkan `amalan pengeluaran yang baik' yang sememangnya dimestikan dalam pemprosesan makanan untuk menghasilkan produk yang bermutu tinggi," katanya.

Wakil Umno Terengganu Datuk Rosli Mat Hassan mendakwa kerajaan negeri Terengganu pimpinan Pas boleh muflis sekiranya tidak mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan Pusat.

Beliau berkata kerajaan negeri banyak bergantung kepada pelbagai tabung serta dana khas yang disediakan oleh kerajaan pusat, untuk bajet mereka.

"Ekonomi Terengganu mungkin sukar. Pada tahun lepas, bajet kerajaan negeri sebanyak RM850 juta, iaitu daripada hasil, cukai serta royalti," kata Rosli, yang juga Ketua Umno Bahagian Dungun.

Dalam pada itu, beliau berkata penubuhan dana atau tabung bagi membantu golongan usahawan Melayu tidak mencapai matlamat kerana wujudnya kekurangan dari segi mekanisme dan pelaksanaannya.

Pada tahun 2001, katanya berbilion-bilion wang yang disediakan melalui dana dan tabung berkenaan tidak disalurkan kepada golongan sasaran kerana pihak yang diberi tanggungjawab menguruskan bantuan itu tidak dapat menterjemahkan hasrat murni kerajaan.

Wakil Pulau Pinang, Datuk Abdul Latif Mirasa mencadangkan ditubuhkan sebuah kementerian baru yang dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Bandar, yang berperanan untuk membantu rakyat khususnya orang Melayu yang tinggal di bandar-bandar.

Menurutnya, kementerian itu yang berfungsi seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat membantu ramai wargakota yang berpendapatan rendah hingga menyebabkan ada antara mereka dibelenggu kemiskinan hingga terpaksa tinggal di setinggalan-setinggalan.

"Selain itu kita juga boleh menubuhkan Kongres Melayu Bandar yang boleh merancang usaha meningkatkan mentaliti Melayu di bandar-bandar," katanya.

Menurutnya kebanyakan orang Melayu yang berhijrah ke bandar-bandar dari kampung dan desa bagi menikmati kehidupan yang lebih baik didapati sering

terpinggir daripada arus pembangunan hingga menyebabkan timbul pelbagai masalah sosial dan ekonomi.

Katanya Pulau Pinang adalah antara negeri yang mempunyai banyak masalah melibatkan orang Melayu apabila mereka kini ketinggalan berbanding kaum lain di negeri itu.

Perbincangan disambung esok.

-- BERNAMA

RAR ZS ROS